

# UMSKAL turut raikan Hari Malaysia ke-50

UB 28.9.2013 B13

**LABUAN:** Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Ismail Ali bersyukur dan berbangga kerana UMSKAL telah menunjukkan kepentingan dan salah satu contoh di Wilayah Persekutuan Labuan kerana turut menyambut Hari Malaysia Ke-50.

Katanya, Hari Malaysia diadakan demi mengingati dan mengenang perjuangan pemimpin dan perwira terdahulu dalam menyatukan rakyat dalam Malaysia seperti yang ada pada hari ini.

Beliau juga merakamkan

tahniah kepada pengerusi penganjur serta AJK kerana mampu dan berjaya mengisi beberapa program penting sepanjang dua minggu ini.

Ismail turut mengucapkan penghargaan kepada semua peserta yang mewakili sekolah rendah dan prasekolah di Wilayah Persekutuan Labuan.

“Adalah diharapkan agar sambutan seperti ini akan diteruskan demi mendidik anak bangsa kita menghargai pengorbanan dan jasa pejuang kemerdekaan yang terdahulu,” katanya ketika berucap merasmikan Majlis Penutupan Sambutan Hari



**BAHARIN** (tujuh kiri) bersama Ahli Jawatankuasa Penganjur Hari Malaysia ke-50 peringkat UMSKAL Labuan.

Malaysia ke-50 peringkat UMSKAL di Dewan Utama universiti itu, kelmarin.

Teks ucapan beliau disampaikan Timbalannya, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal.

Turut hadir Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Mohd Taib Ubah yang menyampaikan ceramah bertajuk “Nikmatnya Merdeka” dan Baharin Entoh, Pustakawan Kanan selaku Pengerusi Penganjur Hari Malaysia UMSKAL 2013. Hadir sama ketua-ketua kampung, guru, tokoh perwira, ibu bapa, pensyarah,

kakitangan dan mahasiswa UMSKAL.

Ismail berkata adalah tidak berbaloi untuk rakyat melupakan apa yang telah berlaku 50 tahun dahulu dan sewenang-wenangnya mencalarakan palitan sejarah cemerlang dalam menyatukan rakyat yang berbilang bangsa dan agama.

Katanya, keamanan yang dikecapi sekarang sebenarnya adalah atas usaha dan tanggungjawab semua rakyat Malaysia.

Beliau berkata keamanan seperti yang dinikmati sekarang

merupakan satu hadiah tidak terhingga Malaysia untuk semua.

“Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempertahankan dan memakmurkan negara Malaysia,” katanya.

Sambutan Hari Malaysia di seluruh negara pada setiap 16 September sejak 50 tahun dahulu seharusnya meningkatkan lagi usaha agar negara kita berjaya bukan saja dalam fokus sosial malah ekonomi dan pendidikan.

Dengan adanya pendidikan yang mantap dan teguh, beliau



**PEMENANG** pertandingan merakam kenangan bersama Geoffrey (tengah).

percaya rakyat bukan sahaja mampu memakmurkan negara dari segi ekonomi dan sosial, malah dapat memakmurkan diri serta keluarga.

Oleh itu, Ismail menyeru mahasiswa dan pelajar sekolah rendah agar lebih gigih dan tekun dan memastikan mampu sampai ke tahap tertinggi dalam pendidikan.

Beliau juga mahu rakyat meningkatkan sikap patriotisme agar harapan untuk melihat kedaulatan negara berkekalan tidak akan hancur.

“Kita juga harus menanam sikap menghargai dan terima kasih kepada pemimpin-

pemimpin yang bijaksana dalam memastikan negara kita ini terus maju dan teguh di persada antarabangsa,” katanya.

Sempena sambutan itu, pelbagai acara diadakan seperti pertandingan mewarna kanak-kanak prasekolah, deklamasi sajak sekolah rendah, pertandingan menulis esei peringkat UMSKAL, teka silang kata Malaysia dan program Jejak Perwira.

Ismail berharap setiap aktiviti dianjurkan ini menjadi pemangkin kepada kerjasama dan toleransi bersama serta saling hormat-menghormati antara satu sama lain.



**GEOFFREY** (dua kanan) menerima cenderamata daripada Baharin, diperhatikan Mohd Taib (kanan) dan ketua-ketua kampung.